KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

DIREKTORI BANTUAN SOSIOEKONOMI WANITA

ISI KANDUNGAN

DIREKTORI BANTUAN
SOSIOEKONOMI WANITA

Sekapur Sirih	2
Sekalung Tinta	3
Seulas Pinang	4
Kata alu-aluan	5
Pengenalan	6
Definisi Ibu Tinggal	7
Matlamat	7
Objektif	7
Penutup	8

Direktori

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	10 - 22
Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah	23 - 33
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan	34 - 35
Kementerian Kewangan	36 - 43
Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia	44
Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia	45
Kementerian Pendidikan Tinggi	46
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia	47 - 57
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi Dan Kepenggunaan	58 - 68
Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani	65 - 71
Kementerian Sumber Manusia	72 - 73
Amanah Ikhtiar Malaysia	74
Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC)	75 - 76
Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU)	77 - 79

Senarai Singkatan 80

SEKAPUR SIRIH

MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA KELUARGA DAN MASYARAKAT

Salam Sejahtera,

Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dengan sukacitanya menerbitkan **Buku Direktori Bantuan Sosioekonomi Wanita 2017** yang disediakan oleh pihak kerajaan dan sektor swasta. Penerbitan buku direktori ini merupakan satu usaha Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) iaitu agensi dibawah KPWKM untuk meningkatkan penglibatan wanita dalam ekonomi melalui perniagaan mikro. Inisiatif ini selaras dengan komitmen Jabatan Pembangunan Wanita untuk meningkatkan akses wanita kepada skim – skim pembiayaan yang terdapat di Malaysia bagi membantu mereka menjana pendapatan dan seterusnya menambah baik serta meningkatkan kualiti hidup mereka.

Saya berharap usaha ini akan dapat membantu semua pihak khususnya wanita yang menceburi diri dalam bidang keusahawanan mendapatkan maklumat mengenai agensi-agensi pelaksanaan kerajaan yang menyediakan skim bantuan dan kemudahan pembiayaan mikrokredit.

Ini juga diharapkan dapat memberi faedah yang sewajarnya kepada bakal usahawan wanita sejajar dengan fokus tahun 2018 iaitu memperkasakan wanita khusus di Malaysia.

Saya juga mengambil peluang ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak terutamanya kementerian dan agensi kerajaan di atas segala kerjasama dan sumbangan yang telah diberikan sepanjang proses penyediaan buku ini sehingga ia berjaya diterbitkan. Sekian

YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

SEKALUNG TINTA

TIMBALAN MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA KELUARGA DAN MASYARAKAT

Salam Sejahtera,

Penerbitan **Buku Direktori Bantuan Sosioekonomi Wanita terbitan 2017** ini merupakan satu usaha berterusan Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) iaitu agensi dibawah KPWKM bagi melebarluaskan fungsi dan peranan Task Force Pemerkasaan Ibu Tunggal yang ditubuhkan sejak tahun 2016.

Selain itu, matlamat penubuhan task force ini bertindak sebagai pemudahcara dan perantara dalam memastikan pelaksanaan Pelan Tindakan Pemerkasaan Ibu Tunggal mencapai sasaran khususnya dalam memastikan pemerkasaan ekonomi dan peningkatan kesejahteraan sosial.

Inisiatif ini selaras dengan komitmen Jabatan dalam memantau isu-isu mengenai ibu tunggal di samping memastikan langkah-langkah yang bersesuaian diambil demi menepati sasaran Pelan Tindakan Pemerkasaan Ibu Tunggal yang dipengerusikan oleh saya sendiri selaku Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Saya berharap penerbitan buku direktori ini dapat membantu kumpulan sasar memperoleh manfaat daripada perkhidmatan yang ditawarkan oleh agensi pelaksana di bawah Pelan Tindakan Pemerkasaan Ibu Tunggal. Saya juga mengambil peluang ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak terutamanya kementerian dan agensi kerajaan di atas segala kerjasama dan sumbangan yang telah diberikan sepanjang proses penyediaan buku ini sehingga ia berjaya diterbitkan. Sekian.

YB DATUK HAJAH AZIZAH
DATUK PANGLIMA HAJI MOHD DUN
TIMBALAN MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

SEULAS PINANG

KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

Assalammualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh
Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia

Saya ingin mengucapkan tahniah di atas usaha Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), kerana berjaya menerbitkan **Buku Direktori Bantuan Sosioekonomi Wanita 2017** yang memaparkan senarai Agensi yang terlibat dalam pemberi bantuan dan pembiayaan dalam bidang keusahawanan. Pelancaran Direktori ini adalah selari dengan matlamat Dasar Wanita Negara dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita bagi membangunkan potensi dan mendaya – upayakan wanita sebagai penyumbang kepada pembangunan ekonomi.

Penerbitan **Buku Direktori Bantuan Sosioekonomi Wanita 2017** ini merupakan satu penghargaan dan pengiktirafan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat atas usaha gigih yang ditunjukkan oleh wanita – wanita dalam menceburi bidang keusahawanan.

Adalah menjadi harapan saya supaya penyebaran dan perkongsian maklumat **Buku Direktori Bantuan Sosioekonomi Wanita 2017** ini dapat dimanfaatkan oleh semua pihak terutamanya golongan wanita. Selain itu, ia dapat dijadikan asas serta rujukan dalam usaha untuk memperkasakan wanita yang merupakan salah satu fokus utama tahun 2018 di Malaysia. Sekian dan Salam Hormat.

YBHG. DATO' SURIANI DATO' AHMAD
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

KATA ALU-ALUAN

KETUA PENGARAH
JABATAN PEMBANGUNAN WANITA

Assalammualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia

Alhamdulillah, Syukur ke hadrat Illahi kerana dengan limpah kurnianya, **Buku Direktori Bantuan Sosioekonomi Wanita 2017** ini berjaya diterbitkan.

Buku Direktori Bantuan Sosioekonomi Wanita 2017 ini merupakan inisiatif oleh Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) untuk memudahkan jaringan perhubungan antara JPW dan para usahawan program-program kemahiran JPW yang dilahirkan sejak tahun 2008 lagi. Maklumat yang terkandung dalam buku ini juga merangkumi informasi dari pelbagai Kementerian dan Agensi-agensi Kerajaan. Saya berharap Buku Direktori Bantuan Sosioekonomi Wanita terbitan 2017 ini dapat menjadi rujukan kepada agensi kerajaan, badan berkanun serta syarikat-syarikat korporat sekaligus mewujudkan manfaat sosio-ekonomi dalam meneroka serta membuka potensi wanita yang sangat diperlukan negara dalam usaha memperkasakan wanita di Malaysia.

Saya mengucapkan jutaan terima kasih dan sekalung tahniah di atas kejayaan penerbitan buku ini.

Semoga buku ini menjadi sumber rujukan bagi semua lapisan masyarakat terutamanya kaum wanita untuk berjaya dalam pelbagai bidang.

Sekian, terima kasih.

YBHG. DATUK YATIMAH SARJIMAN
KETUA PENGARAH
JABATAN PEMBANGUNAN WANITA

PENGENALAN PELAN TINDAKAN

Dasar Keluarga Negara mentafsirkan keluarga sebagai sebuah unit asas sosial yang membekalkan sumber manusia untuk pembangunan serta menjamin kesinambungan generasi akan datang.

Kewujudan wanita sebagai ibu dan ketua keluarga tanpa kehadiran lelaki bergelar suami, memerlukan Kerajaan untuk memastikan golongan wanita ini diperkasa ke arah membina masyarakat yang lebih progresif dan inklusif.

Rancangan Malaysia Kesepuluh (2011-2015) telah menggariskan bahawa program utama untuk memastikan potensi wanita direalisasikan sepenuhnya dalam bidang ekonomi dan sosial negara secara lebih berkesan. Antara program utama yang diberi tumpuan ialah menambah baik penyediaan sokongan kepada golongan wanita yang menghadapi kesukaran seperti balu, ibu tunggal dan golongan berpendapatan rendah. Aspirasi ini juga diteruskan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (2016-2020) melalui salah satu teras strateginya iaitu memperkukuh inklusiviti ke arah masyarakat yang saksama.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah merangka satu Pelan Tindakan Pemerkasaan Ibu Tunggal yang komprehensif yang merangkumi aspek pemerkasaan dari segi ekonomi, sosial serta aspek penyelidikan dan penyelarasan. Pelan Tindakan tersebut telah mengambil kira pandangan dan maklum balas semua pihak yang berkepentingan, melalui beberapa siri sesi konsultasi dan bengkel yang melibatkan ibu-ibu tunggal, wakil agensi Kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), institusi pengajian tinggi dan sektor swasta.

Pelan tindakan ini adalah selaras dengan falsafah Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW) yang menekankan prinsip memperkasa wanita demi pembangunan sosial ekonomi mereka.

Hasil daripada Pelan Tindakan Pemerkasaan Ibu Tunggal itu, buku mini ini dirangka bagi memudahkan lagi hebahan dan penyampaian maklumat kepada masyarakat luar khususnya. Buku direktori ini mengandungi program dan pembiayaan daripada sektor kerajaan yang terdiri daripada pelbagai kementerian dan agensi.

DEFINISI IBU TUNGGAL

Mulai Banci Penduduk dan Perumahan 2010, KPWKM mengambil kira ibu tunggal berdasarkan kriteria / parameter / definisi berikut:

Perempuan yang menjadi Ketua Isi Rumah, bertaraf perkahwinan balu atau bercerai / berpisah tetap dan mempunyai anak yang belum berkahwin dalam isi rumah yang sama;

Perempuan yang menjadi Ketua Isi Rumah tetapi mempunyai suami (suaminya tidak sihat dan tidak berkemampuan untuk bekerja) dan mempunyai anak yang belum berkahwin dalam isi rumah yang sama; atau

Perempuan yang menjadi Ketua Isi Rumah, tidak pernah berkahwin tetapi mempunyai anak (anak angkat atau anak tidak sah taraf).

MATLAMAT

Buku Mini Direktori ini amat diperlukan sebagai panduan dan rujukan kumpulan sasar terutamanya wanita dan ibu tunggal dalam menaiktaraf kehidupan sama ada dari aspek ekonomi dan sosial bagi memastikan kehidupan menjadi lebih kondusif dan bermakna. Buku Mini yang dirangka berdasarkan buku Pelan Tindakan ini melibatkan kerjasama dan komitmen agensi Kerajaan, institusi pengajian tinggi, NGO dan sektor swasta dalam memastikan kesejahteraan ibu tunggal diberi perhatian sewajarnya di setiap peringkat kitaran hidup mereka selaras dengan arus pembangunan negara.

OBJEKTIF

Buku Mini Direktori ini menetapkan 2 objektif utama daripada Pelan Tindakan Pemerkasaan Ibu Tunggal yang dirangka bagi mencapai inisiatif seperti berikut :

1. Meningkatkan kesedaran dan komitmen ibu tunggal dalam memperkasakan ekonomi; dan

2. Meningkatkan kesedaran akan keperluan mendapatkan kesejahteraan sosial ibu tunggal.

PENUTUP

Buku Mini Direktori ini memberi panduan kepada kumpulan sasar kementerian terutamanya wanita dan ibu tunggal yang ingin merancang, melaksana, dan memberi nilai tambah dalam segala aspek kehidupan dengan mengambil kira cabaran-cabaran yang dihadapi. Buku ini adalah selaras dengan pendekatan Kerajaan yang menekankan keseimbangan antara pembangunan fizikal, ekonomi dan modal insan. Justeru Buku Mini Direktori yang bersifat explicit ini mampu menggerakkan dan mengintegrasikan penglibatan pelbagai pihak seperti agensi Kerajaan, institusi pengajian tinggi, NGO dan sektor swasta dengan lebih berkesan.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT (KPWKM)

1

AGENSI : **Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA)**
NAMA DANA / PEMBIAYAAN : **1AZAM**

KETERANGAN PROGRAM
Inisiatif utama yang diperkenalkan melalui NKRA LIH adalah program peningkatan pendapatan kepada isi rumah berpendapatan rendah iaitu Program 1AZAM.

TERMA DAN SYARAT	KUMPULAN SASAR	MAKLUMAT LANJUT	ALAMAT
1. Menyediakan peluang kepada golongan isi rumah berpendapatan rendah untuk menjana pendapatan; 2. Memperkasa kumpulan sasar supaya boleh berdikari; dan 3. Meningkatkan pendapatan golongan berpendapatan rendah.	Golongan B40	**AZAM Niaga** Menyediakan peluang menjana pendapatan melalui perniagaan kecil-kecilan dengan kemudahan latihan dan skim kredit mikro. Antara jenis perniagaan yang boleh diusahakan ialah produk makanan dan minuman, barangan kraftangan, dan perniagaan runcit. **AZAM Khidmat** Menawarkan peluang menjana pendapatan melalui bidang perkhidmatan dengan memberi latihan kepada peserta bagi membolehkan mereka mempunyai kemahiran tertentu seperti rawatan penjagaan diri, urutan dan refleksologi.	**Kementerian Pembangunan Wanita,Keluarga dan Masyarakat** Unit National Key Result Area (NKRA) Aras 5, No 55, Persiaran Perdana Presint 4, 62100 Putrajaya, MALAYSIA. Tel : +603-8000 8000 Faxs : +603-8323 2066 info@kpwkm.gov.my

PAUTAN
https://www.kpwkm.gov.my

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT (KPWKM)

2

AGENSI : **Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)**
NAMA DANA / PEMBIAYAAN : **Geran Pelancaran**

KETERANGAN PROGRAM
Membantu klien JKM yang mempunyai minat dan potensi untuk maju dengan menceburi bidang ekonomi.

TERMA DAN SYARAT	KUMPULAN SASAR	MAKLUMAT LANJUT	ALAMAT
1. Penerima bantuan bulanan JKM atau anak-anak mereka; 2. OKU yang sedang mendapat perkhidmatan JKM; 3. Bekas pelatih dari Institusi Kebajikan dan kes-kes seliaan akhlak; dan 4. Klien Jabatan yang lain.	Usahawan yang mempunyai kemahiran kraftangan	1. Membantu klien JKM yang mempunyai minat dan potensi untuk maju dengan menceburi bidang ekonomi. 2. Membolehkan klien JKM menjadi lebih produktif dan berusaha ke arah hidup berdikari serta meningkatkan taraf hidup mereka. Maksimum RM2,700 sekaligus	**Jabatan Kebajikan Masyarakat** Aras 6, 9-18 No 55, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100 Putrajaya Tel : +603 - 8000 8000 Faks : +603 - 8323 2045

PAUTAN
http://www.jkm.gov.my/

3

AGENSI : **Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)**
NAMA DANA / PEMBIAYAAN : ***Program 2 Years Exit***

KETERANGAN PROGRAM
Membantu klien JKM yang mempunyai minat dan potensi untuk maju dengan menceburi bidang ekonomi.

TERMA DAN SYARAT	KUMPULAN SASAR	MAKLUMAT LANJUT	ALAMAT
Tiada	Usahawan yang mempunyai kemahiran kraftangan	Pendekatan "*Productive Welfare*" yang mula diperkenalkan pada 2010 adalah satu bentuk usaha yang mensasarkan penerima bantuan kebajikan supaya dapat terus hidup berdikari	**Jabatan Kebajikan Masyarakat** Aras 6, 9-18

TERMA DAN SYARAT	KUMPULAN SASAR	MAKLUMAT LANJUT	ALAMAT
Tiada	Usahawan yang mempunyai kemahiran kraftangan	melalui pembelajaran pelbagai kemahiran kehidupan (survival skills) agar tidak selamanya bergantung kepada bantuan kerajaan buat selama-lamanya. Pendekatan ini sangat menekankan kepada pemerkasaan klien agar lebih bermotivasi memperolehi latihan kemahiran yang bersesuaian dengan keupayaan mereka. Antara objektif utama adalah seperti berikut: • Membantu klien agar dapat hidup berdikari tanpa terus bergantung kepada bantuan kerajaan semata-mata untuk sara hidup; • Mengeluarkan klien daripada kepompong kemiskinan dengan memperoleh pendapatan melepasi paras garis kemiskinan; • Mewujudkan peluang penjanaan sumber pendapatan yang stabil dan berterusan bagi klien mencapai kehidupan yang lebih sejahtera dan berkualiti; • Mewujudkan rangkaian kerjasama semua sektor awam dan swasta ke arah pemulihan klien agar lebih berdikari.	No 55, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100 Putrajaya Tel : +603 - 8000 8000 Faks : +603 - 8323 2045

PAUTAN

http://www.jkm.gov.my/

AGENSI : **Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)**
NAMA DANA / PEMBIAYAAN : **Keusahawanan Sosial (PROWELL)**

4

KETERANGAN PROGRAM
Membantu klien JKM yang mempunyai minat dan potensi untuk maju dengan menceburi bidang ekonomi.

TERMA DAN SYARAT	KUMPULAN SASAR	MAKLUMAT LANJUT	ALAMAT
1. Pelatih Program Pemulihan Berasaskan Komuniti (PDK) 2. Penghuni Institusi kebajikan 3. Penerima Bantuan Skim Geran Pelancaran di peringkat daerah Produk *ProWell*	Usahawan yang mempunyai kemahiran kraftangan	Projek ini diperkenalkan oleh JKM yang percaya pada 'pembangunan inklusif' tanpa mengira umur, latarbelakang, jantina, keupayaan fizikal dan mental. Mereka harus diberikan peluang yang saksama untuk turut serta dalam pembangunan sosial dan ekonomi negara. Oleh yang demikian, projek ini dengan mempunyai dua matlamat utama iaitu – pertama, untuk memanfaatkan kemahiran dan bakat pelatih Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK), penghuni Institusi Kebajikan dan penerima bantuan Skim Geran Pelancaran. Kedua, ia dapat memberi peluang dalam memperkasakan ekonomi yang mampan dalam kehidupan mereka. Projek ini dilaksanakan berdasarkan pada prinsip keusahawanan sosial di mana ia didorong oleh misi dalam memberikan nilai sosial kepada golongan kurang berkemampuan melalui tingkah laku dan entiti keusahawanan, yang layak dari segi kewangan dan mampu berdikari.	**Jabatan Kebajikan Masyarakat** Aras 6, 9-18 No 55, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100 Putrajaya Tel : +603 - 8000 8000 Faks : +603 - 8323 2045

PAUTAN

http://www.jkm.gov.my/

5

AGENSI : **Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)**
NAMA DANA / PEMBIAYAAN : **Perkhidmatan Perancang Keluarga, Kesuburan Dan Pemeriksaan Kesihatan Kesejahteraan**

KETERANGAN PROGRAM
Inisiatif yang diperkenalkan membantu masyarakat mempunyai hidup yang berkualiti dan sejahtera.

TERMA DAN SYARAT	KUMPULAN SASAR	MAKLUMAT LANJUT	ALAMAT
Tiada	Pasangan yang telah berkahwin	**Saringan Perancang Keluarga = Fi pendaftaran (Kes Baru):** RM5 (Warganegara & Penduduk tetap, Warga Asing) **Perundingan:** RM10 (Warganegara & Penduduk tetap, Warga Asing) **Rawatan Perancang Keluarga:** (Warganegara/Penduduk Tetap: RM1 - RM750) **Saringan Kesuburan - Pendaftaran (Warganegara/Penduduk Tetap:** RM40 (Warga Asing: RM80) **Perundingan (Warganegara/Penduduk Tetap:** RM10 (Warga Asing: RM20) **Rawatan Saringan Kesuburan - (Warganegara/Penduduk Tetap :** RM200 (Warga Asing: RM400) **Rawatan Kesuburan :** • IUI - (Warganegara/Penduduk Tetap :	Ibu Pejabat LPPKN: **Lembaga Penduduk Dan Pembangunan Keluarga (LPPKN)** No 12B, Bangunan Lppkn, Jalan Raja Laut, 50350, Kuala Lumpur

TERMA DAN SYARAT	KUMPULAN SASAR	MAKLUMAT LANJUT	ALAMAT
		RM800 - RM1,500; Warga Asing: RM1,500 - RM2,000) • IVF - (Warganegara/Penduduk Tetap: RM10,000 - RM12,000; Warga Asing: RM12,000 - RM14,000) **Saringan Nur Sejahtera = Fi pendaftaran (kes baru):** (Warganegara/Penduduk Tetap : RM10; Warga Asing: RM20) **Perundingan Pakar Warganegara/Penduduk tetap (kes baru):** RM40; kes susulan: RM80 **Perundingan Pakar Warga Asing (kes baru):** RM80; kes susulan: RM50 **Saringan Kesejahteraan Bagi Wanita** • Pakej 1 (Pegawai Perubatan) - (Warganegara/ Penduduk Tetap: RM70; Warga Asing: RM140) • Pakej 2 (Pegawai Pakar) - (Warganegara/ Penduduk Tetap: RM120; Warga Asing: RM240) • Pakej Eramas(Pakar) - (Warganegara/ Penduduk Tetap: RM100; Warga Asing: RM200) ** Harga fi dan caj tertakluk kepada perkhidmatan/ prosedur/ujian*	

PAUTAN

http://www.lppkn.gov.my/

6

AGENSI : **Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)**
NAMA DANA / PEMBIAYAAN : ***Vaksinasi Human Papilloma Virus (HPV)***

KETERANGAN PROGRAM
Inisiatif yang diperkenalkan membantu masyarakat mempunyai hidup yang berkualiti dan sejahtera.

TERMA DAN SYARAT	KUMPULAN SASAR	MAKLUMAT LANJUT	ALAMAT
1. Wanita warganegara 2. Bujang dan tidak pernah berkahwin 3. Tidak hamil 4. Tidak pernah mengalami kesan sampingan teruk setelah menerima suntikan pertama atau kedua 5. Tidak pernah mengalami alahan teruk yang perlu dirawat di hospital	Wanita	Subsidi Vaksinasi HPV (*kohort umur 1990-1996) Kos Rawatan Vaksinasi HPV: RM180 per dos Vaksinasi yang diberi dapat mencegah kanser serviks akibat jangkitan HPV HPV adalah penyebab utama kanser serviks yang disebarkan melalui hubungan seksual Kanser serviks terjadi sekurang-kurangnya 10 tahun selepas dijangkiti HPV tetapi tidak semua jangkitan HPV akan mengakibatkan kanser serviks ** Tertakluk kepada terma dan syarat*	Ibu Pejabat LPPKN: **Lembaga Penduduk Dan Pembangunan Keluarga (LPPKN)** No 12B, Bangunan Lppkn, Jalan Raja Laut, 50350, Kuala Lumpur

PAUTAN

http://www.lppkn.gov.my/

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT (KPWKM)

7

AGENSI : **Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)**
NAMA DANA / PEMBIAYAAN : **Subsidi Mamogram**

KETERANGAN PROGRAM
Inisiatif yang diperkenalkan membantu masyarakat mempunyai hidup yang berkualiti dan sejahtera.

TERMA DAN SYARAT	KUMPULAN SASAR	MAKLUMAT LANJUT	ALAMAT
1. Wanita warganegara Malaysia 2. Wanita yang berumur 40-70 tahun 3. PERCUMA diberikan kepada wanita yang berisiko tinggi berpendapatan isirumah RM10,000.00 dan ke bawah 4. Wanita yang berpendapatan isirumah melebihi RM10,000.00, subsidi sebanyak RM50 diberikan	Wanita	LPPKN Negeri atau Ibu Pejabat LPPKN di talian 03-26137555	Ibu Pejabat LPPKN: **Lembaga Penduduk Dan Pembangunan Keluarga (LPPKN)** No 12B, Bangunan Lppkn, Jalan Raja Laut, 50350, Kuala Lumpur

PAUTAN

http://www.lppkn.gov.my/

AGENSI : **Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)**
NAMA DANA / PEMBIAYAAN : **Program Bantuan Prostesis Luaran Payudara dan Coli Khas**

8

KETERANGAN PROGRAM
Inisiatif yang diperkenalkan membantu masyarakat mempunyai hidup yang berkualiti dan sejahtera.

TERMA DAN SYARAT	KUMPULAN SASAR	MAKLUMAT LANJUT	ALAMAT
1. Warganegara Malaysia atau penduduk tetap 2. Pendapatan isi rumah RM5,000 sebulan dan ke bawah 3. Tidak menerima bantuan kerajaan bagi prostesis dalam tempoh tiga (3) tahun terdekat 5. Menjalani rawatan di hospital kerajaan / swasta dan disahkan menghidap kanser payudara oleh pegawai perubatan hospital berkenaan 6. Permohonan telah diperakukan oleh pegawai atau pakar perubatan di hospital kerajaan atau swasta"	Wanita	Program Bantuan Prostesis Luaran Payudara dan Coli Khas Kepada Pesakit Kanser Payudara Wanita ini adalah merupakan kesinambungan daripada Program Subsidi Ujian Mamogram yang sedang dijalankan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN). Pewujudan skim ini dapat memberi nilai tambah kepada Program Subsidi Ujian Mamogram, yang dengannya kebajikan wanita yang dikesan positif kanser payudara terus mendapat perhatian sehingga ke peringkat pemulihan.	Ibu Pejabat LPPKN: **Lembaga Penduduk Dan Pembangunan Keluarga (LPPKN)** No 12B, Bangunan Lppkn, Jalan Raja Laut, 50350, Kuala Lumpur

PAUTAN

http://www.lppkn.gov.my/

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT (KPWKM)

AGENSI : **Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)**
NAMA DANA / PEMBIAYAAN : **MAMACARE**

9

KETERANGAN PROGRAM
Inisiatif yang diperkenalkan membantu masyarakat mempunyai hidup yang berkualiti dan sejahtera.

TERMA DAN SYARAT	KUMPULAN SASAR	MAKLUMAT LANJUT	ALAMAT
1. Permohonan terbuka kepada Warganegara Malaysia 2. Wanita dalam kalangan berpendapatan rendah (LIH) namun keutamaan diberikan kepada ibu tunggal 3. Berminat dan mempunyai kemahiran asas dalam urutan tradisional	Wanita	Program MamaCare merupakan satu Perkhidmatan Penjagaan Holistik Ibu Selepas Bersalin yang bertujuan untuk membantu meningkatkan kesejahteraan dan kesihatan reproduktif wanita dan keluarga. Tujuan MamaCare juga bagi melatih wanita warga emas dan ibu tunggal terutama daripada kumpulan Low Income Household (LIH) menjana pendapatan keluarga melalui Perkhidmatan Penjagaan Holistik Ibu Selepas Bersalin secara tradisional dan moden.	Ibu Pejabat LPPKN: **Lembaga Penduduk Dan Pembangunan Keluarga (LPPKN)** No 12B, Bangunan Lppkn, Jalan Raja Laut, 50350, Kuala Lumpur

PAUTAN

http://www.lppkn.gov.my/

AGENSI : **Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)**
NAMA DANA / PEMBIAYAAN : **Program Kekeluargaan**

10

KETERANGAN PROGRAM
Inisiatif yang diperkenalkan membantu masyarakat mempunyai hidup yang berkualiti dan sejahtera.

TERMA DAN SYARAT	KUMPULAN SASAR	MAKLUMAT LANJUT	ALAMAT
Tiada	Wanita dan Lelaki	Melaksanakan program pembangunan keluarga menerusi kursus dan aktiviti yang boleh meningkatkan tahap pengetahuan serta kemahiran dalam aspek keibubapaan dan kekeluargaan.	Ibu Pejabat LPPKN: **Lembaga Penduduk Dan Pembangunan Keluarga (LPPKN)** No 12B, Bangunan Lppkn, Jalan Raja Laut, 50350, Kuala Lumpur

PAUTAN

http://www.lppkn.gov.my/

AGENSI : **Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)**
NAMA DANA / PEMBIAYAAN : **Perkhidmatan Kaunseling**

11

KETERANGAN PROGRAM
Inisiatif yang diperkenalkan membantu masyarakat mempunyai hidup yang berkualiti dan sejahtera.

TERMA DAN SYARAT	KUMPULAN SASAR	MAKLUMAT LANJUT	ALAMAT
Tiada	Wanita dan Lelaki	Dalam proses kaunseling keluarga dan perkahwinan, biasanya kaunselor memberikan fokus kepada peranan, corak perhubungan, matlamat yang ingin dicapai oleh ahli keluarga atau perkahwinan pasangan (klien) yang terlibat. Kaunselor membantu klien menilai aspek positif dan negatif perhubungan mereka dan membantu mereka memahami bahawa dalam isu keluarga atau perkahwinan, ahli keluarga atau pasangan suami dan isteri menyumbang kepada pembentukan dan penyelesaian masalah. Justeru, mereka perlu belajar untuk memahami, mengubah corak berinteraksi dan mengamalkan pendekatan yang lebih berkesan bagi menangani masalah mereka. Fi Pendaftaran bagi: Warganegara dan Penduduk Tetap Warga asing (i) Individu dan keluarga RM5.00 - RM10.00 (ii) Kumpulan RM5.00 - RM10.00 (iii) Kes rujukan agensi Kerajaan Percuma Tidak berkenaan Fi Profesional: x (i) Sesi kaunseling (a) Individu atau keluarga RM5.00 - RM10.00 (b) Kumpulan RM5.00 - RM10.00 (ii) Kes rujukan dari agensi Kerajaan Percuma Tidak berkenaan (iii) Caj untuk melakukan ujian psikologi Percuma Tidak berkenaan (iv) Analisa dan pentafsiran ujian laporan psikologi RM50.00 - RM100.00 (v) Kes rujukan bagi pendapat kedua atas laporan psikologi RM50.00 - RM100.00 (vi) Pengantaraan RM50.00 sejam RM100.00 sejam	Ibu Pejabat LPPKN: **Lembaga Penduduk Dan Pembangunan Keluarga (LPPKN)** No 12B, Bangunan Lppkn, Jalan Raja Laut, 50350, Kuala Lumpur

PAUTAN

http://www.lppkn.gov.my/

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT (KPWKM)

12

AGENSI : **Jabatan Pembangunan Wanita (JPW)**
NAMA DANA / PEMBIAYAAN : **Women Empowerment Programme – Development of Women Entrepreneurship Initiatives (DeWI)**

KETERANGAN PROGRAM
Membekalkan latihan kemahiran dan pembangunan kapasiti serta potensi untuk berdikari dari aspek ekonomi.

TERMA DAN SYARAT	KUMPULAN SASAR	MAKLUMAT LANJUT	ALAMAT
Keutamaan bagi menyertai program adalah kepada ibu tunggal dan wanita yang dikategorikan sebagai miskin dan miskin tegar di dalam sistem e-Kasih serta penerima bantuan kebajikan JKM	Wanita	Berbentuk latihan kemahiran yang: • Membekalkan peserta dengan pengetahuan dan kemahiran yang boleh dikomersilkan • Meningkatkan potensi untuk berdikari dari aspek ekonomi setelah memperoleh kemahiran • Membuka minda & memberikan motivasi supaya mereka terdorong untuk memajukan diri Dilaksanakan di seluruh negara menerusi Pejabat Pembangunan Wanita Negeri (PPWN), Jabatan Wanita dan Keluarga Sarawak (JWKS) dan Jabatan Hal Ehwal Wanita Sabah (JHEWA).	Aras 23-25, No.55, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100 Putrajaya Wilayah Persekutuan Putrajaya, Malaysia

PAUTAN
www.jpw.gov.my

KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH (KKLW)

1

AGENSI : **Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW)**
NAMA DANA / PEMBIAYAAN : **Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED)**

KETERANGAN PROGRAM
- Membangunkan usahawan Bumiputera luar bandar di dalam semua bidang ekonomi yang berdaya maju dan dibenarkan oleh undang-undang.
- Menggalakkan penglibatan dan pembangunan usahawan Bumiputera bagi mewujudkan peluang pekerjaan, meningkatkan pendapatan serta perniagaan yang berdaya maju kepada masyarakat di luar bandar.
- Memajukan sektor-sektor ekonomi yang berpotensi tinggi di luar bandar.

TERMA DAN SYARAT	KUMPULAN SASAR	MAKLUMAT LANJUT	ALAMAT
1. Pemohon perlu mengisi dan melengkapkan satu (1) salinan Borang Permohonan. Melampirkan Kertas Kerja atau Rancangan Perniagaan. 2. Perniagaan beroperasi dan mempunyai alamat/cawangan berdaftar di luar bandar MPLB. 3. Perniagaan dimiliki sepenuhnya pegangan individu 100% Bumiputera iaitu Melayu, Orang Asli dan Masyarakat Pribumi Sabah dan Sarawak yang diiktiraf oleh undang-undang. 4. Berumur 18 tahun dan tidak melebihi had umur 60 tahun sewaktu permohonan. 5. Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) di Semenanjung Malaysia atau Suruhanjaya Koperasi Malaysia	Jenis-jenis sektor perniagaan yang dibiayai mesti mematuhi prinsip-prinsip Syariah dan tidak menyalahi undang-undang seperti berikut: • Pembuatan • Perkhidmatan • Pertanian (Bank Rakyat sahaja) • Pelancongan Desa	Bentuk pembiayaan ialah seperti: • Pembelian aset / mesin / peralatan; • Modal kerja untuk tujuan perolehan bahan mentah / stok; • Pengubahsuaian atau menaik taraf premis perniagaan;	**Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah (KKLW)** Bahagian Pengupayaan Ekonomi Aras 19, Persiaran Perdana, Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62100 Putrajaya Tel : +603-88915602 Faks : +603-8888 2341

TERMA DAN SYARAT	KUMPULAN SASAR	MAKLUMAT LANJUT	ALAMAT
(SKM) atau Ordinan Perniagaan di Sabah & Sarawak. 6. Mempunyai Lesen Berniaga daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) atau pengesahan 'Di Luar Kawasan Seliaan' oleh PBT atau lain-lain peraturan pihak berkuasa berkaitan. 7. Had pendedahan baki pembiayaan sedia ada tidak melebihi RM500,000.00 dengan pengiraan had pendedahan dan pengecualian seperti berikut: • Firma, Syarikat Sdn Bhd, PLT dan Koperasi – Tidak meliputi pembiayaan di atas nama pengarah/ pemegang saham. • Pengecualian untuk pembiayaan SPED sedia ada dan Premis Perniagaan sahaja. • Semakan laporan kredit Bank Negara iaitu Central Credit Reference Information System (CCRIS) yang tiada tunggakan dan sekiranya ada, resit bayaran perlu dilampirkan. • Pemohon tidak disenarai hitam oleh mana-mana institusi kewangan. • Mengemukakan Laporan Kewangan Beraudit atau Pengurusan bagi Firma / Syarikat Sdn Bhd / PLT / Koperasi mengikut tahun beroperasi (minimum 1 tahun).			

TERMA DAN SYARAT	KUMPULAN SASAR	MAKLUMAT LANJUT	ALAMAT
• Mengemukakan Penyata Bank firma/ syarikat untuk tempoh 6 bulan terkini. • Melampirkan salinan bagi Perjanjian Sewa Premis dan/atau Surat Kebenaran Menduduki yang dimatikan setem atau Geran Tanah. Walau bagaimanapun, '*Sublet*' (sewa atas sewa) bagi sesebuah premis perniagaan adalah tidak dibenarkan. • Menjalankan perniagaan sepenuh masa untuk firma perseorangan atau salah seorang bagi firma perkongsian, Sdn Bhd, PLT dan Koperasi. • Lain-lain dokumen berkaitan yang diperlukan bagi penilaian kredit dan kemampuan bayaran balik Pelanggan.			

PAUTAN
http://www.rurallink.gov.my/sped-2

2

AGENSI : **Majlis Amanah Rakyat (MARA)**
NAMA DANA / PEMBIAYAAN : **Program Peningkatan Pendapatan (PPP)**

KETERANGAN PROGRAM

- Program ini menyediakan bantuan kewangan dan pengurusan untuk membolehkan kumpulan sasar menyertai atau menjalankan projek-projek ekonomi dalam pelbagai sektor.
- Matlamatnya ialah untuk meningkatkan pendapatan keluarga serta meningkatkan taraf hidup dan seterusnya mengeluarkan mereka daripada belenggu kemiskinan.
- Bantuan diberikan dalam pelbagai bentuk termasuk Aset/ premis/ bengkel/ ruang niaga/ mesin/ peralatan bantuan/ bahan mentah, latihan/kursus kemahiran asas, bimbingan serta kos khidmat pengurusan yang disampaikan melalui Agensi Pelaksana

TERMA DAN SYARAT	KUMPULAN SASAR	MAKLUMAT LANJUT	ALAMAT
	Kumpulan sasar bagi pelaksanaan program ini terdiri daripada golongan Miskin Tegar, Miskin dan Berpendapatan Rendah (B40)	1. Mekanisme pelaksanaan PPP dilaksanakan oleh Agensi-agensi KKLW, Agensi-agensilain Kementerian dan Jabatan, Badan Bukan Kerajaan (NGO), dan Pejabat-pejabat Daerah. 2. Agensi Pelaksana (Lead Agencies) KKLW adalah terdiri daripada Pejabat Cawangan KKLW di negeri/daerah dan agensi-agensi seperti KETENGAH, KEJORA, KEDA, KESEDAR, RISDA, FELCRA, GIATMARA, KEMAS dan sebagainya.	**Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah (KKLW)** Bahagian Pengupayaan Ekonomi Aras 19, Persiaran Perdana, Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62100 Putrajaya Tel : +603-88915602 Faks : +603-8888 2341

PAUTAN

http://www.rurallink.gov.my/rakyat/kesejahteraan-rakyat/program-peningkatan-pendapatan-ppp/

KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH (KKLW)

3

AGENSI : **Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW)**
NAMA DANA / PEMBIAYAAN : **Program Usahawan RISDA**

KETERANGAN PROGRAM

Program ini diwujudkan untuk membantu menyediakan kemudahan kewangan berbentuk pinjaman mudah kepada pekebun kecil individu, koperasi-koperasi pekebun kecil dan syarikat-syarikat yang akan mendatangkan manfaat kepada pekebun kecil bagi melaksanakan kegiatan ekonomi sampingan terpilih untuk membantu mereka menambahkan pendapatan

TERMA DAN SYARAT	KUMPULAN SASAR	MAKLUMAT LANJUT	ALAMAT
Sektor-Sektor Pelaksanaan Projek Ekonomi Tambahan: • Sektor Pembekalan Input Perusahaan • Sektor Pengeluaran Produk • Sektor Pengumpulan Dan Pemasaran Produk • Sektor Pemprosesan Produk	1. Pekebun kecil 2. Golongan rakyat termiskin	Dua jenis aktiviti ekonomi yang telah dikenal pasti setakat ini ialah: 1. Aktiviti ekonomi ladang seperti ternakan, perikanan dan sayuran. 2. Aktiviti ekonomi luar ladang seperti pembuatan, pembinaan, pemprosesan, pembungkusan dan pengedaran barang-barang makanan, kraf tangan, jahitan dan lain-lain.	**Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah (KKLW)** Bahagian Pengupayaan Ekonomi Aras 19, Persiaran Perdana, Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62100 Putrajaya Tel : +603-88915602 Faks : +603-8888 2341

PAUTAN

http://www.rurallink.gov.my/usahawan/program-usahawan-risda/

4

AGENSI : **Majlis Amanah Rakyat (MARA)**
NAMA DANA / PEMBIAYAAN : **Skim Pembiayaan Perniagaan Lepasan IPMA (SEMAI)**

KETERANGAN PROGRAM
Kemudahan ini ditawarkan kepada semua pelajar lepasan Intitusi Pendidikan MARA (IPMa) yang menjalankan perniagaan yang sama dan berkaitan dengan kursus yang diikuti di IPMa serta menjalankan perniagaan dalam bidang lain yang berdaya maju dan menepati kriteria usahawan mudah jaya. Had pembiayaan ialah RM50,000.

TERMA DAN SYARAT	KUMPULAN SASAR	MAKLUMAT LANJUT	ALAMAT
1. Menamatkan pengajian di IPMA dengan jayanya 2. Berumur 18 tahun ke atas 3. Mendapatkan sokongan daripada Pengawal Pusat di tempat belajar /menjalani latihan. 4. Tempat dan lokasi perniagaan hendaklah sesuai dengan jenis perniagaan yang dijalankan dan mendapat kebenaran daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) 5. Perniagaan telah didaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)	Usahawan pelbagai bidang	1. Kelayakan Perniagaan: Semua jenis perniagaan 2. Kelayakan Mengikut Negeri: Semua Negeri	**Majlis Amanah Rakyat (MARA)** Pejabat Ketua Pengarah MARA Tingkat 26, Ibu Pejabat MARA, 21, Jalan MARA 50609 Kuala Lumpur Tel : +603-2613 2000 Faks : +603-2692 8993

PAUTAN

http://bisnest.com.my/maklumat-insentif/skim-pembiayaan-perniagaan-lepasan-ipma-semai

KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH (KKLW)

5

AGENSI : **Majlis Amanah Rakyat (MARA)**
NAMA DANA / PEMBIAYAAN : **Skim DanaNita - Program Pembangunan Perniagaan Khas Untuk Usahawan Wanita (Skim mudahjaya)**

KETERANGAN PROGRAM
Memperhebatkan penyertaan wanita dalam aktiviti keusahawanan, memperkasakan usahawan wanita sedia ada dan meningkatkan pendapatan isi rumah

TERMA DAN SYARAT	KUMPULAN SASAR	MAKLUMAT LANJUT	ALAMAT
1. Warganegara Malaysia berstatus Bumiputera 2. Umur 18 - 60 tahun 3. Berpengalaman 4. Lesen perniagaan yang sah 5. Penyata Kewangan 6. Perniagaan patuh syariah 7. Bebas dari senarai hitam MARA	Usahawan Wanita Bumiputera	MARA juga menyediakan pelbagai jenis pembiayaan kepada usahawan termasuklah kerjasama dengan Credit Guarantee Corporation(CGC). MARA juga menyediakan pelbagai program pembiayaan dan pembangunan usahawan seperti Program Putra untuk usahawan baru dan juga Skim Pembiayaan Peningkatan Perniagaan (SPiM)	**Majlis Amanah Rakyat (MARA)** Pejabat Ketua Pengarah MARA Tingkat 26, Ibu Pejabat MARA, 21, Jalan MARA 50609 Kuala Lumpur Tel : +603-2613 2000 Faks : +603-2692 8993

PAUTAN

http://www.rurallink.gov.my/program-dananita-oleh-mara/

AGENSI : **Majlis Amanah Rakyat (MARA)**
NAMA DANA / PEMBIAYAAN : **Skim Jaminan Usahawan Mara (SJUM)**

6

KETERANGAN PROGRAM
Kemudahan pembiayaan yang mana Bank Panel menawarkan kemudahan pembiayaan menggunakan dana bank dan MARA bertindak sebagai Penjamin ke atas pembiayaan yang disalurkan kepada usahawan Bumiputera.

TERMA DAN SYARAT	KUMPULAN SASAR	MAKLUMAT LANJUT	ALAMAT
1. Syarikat Bumiputera berstatus Milikan Tunggal, Perkongsian atau Sdn Bhd 2. Perniagaan telah beroperasi dan mempunyai Audited Account sekurang-kurangnya 2 tahun serta memperoleh keuntungan bagi 2 tahun terkini 3. Modal berbayar syarikat sekurang-kurangnya 20% daripada jumlah pembiayaan bank 4. Jualan Tahunan >RM500 ribu 5. Status carian kredit syarikat & pemegang saham adalah memuaskan 6. Memenuhi syarat syarat yang ditetapkan oleh Bank	**Syarikat milik Bumiputera yang diklasifikasikan sebagai PKS oleh BNM** • Terbuka kepada semua sektor ekonomi (tertakluk kepada tahap risiko yang ditentukan oleh Bank) • Aktiviti syarikat patuh Syariah	**Tujuan Pembiayaan** • Modal kerja • Pembiayaan kontrak • Pembelian mesin & peralatan • Bank Guarantee"	**Majlis Amanah Rakyat (MARA)** Pejabat Ketua Pengarah MARA Tingkat 26, Ibu Pejabat MARA, 21, Jalan MARA 50609 Kuala Lumpur Tel : +603-2613 2000 Faks : +603-2692 8993

PAUTAN

http://www.mara.gov.my/bah.-pembiayaan-perniagaan

AGENSI : **Majlis Amanah Rakyat (MARA)**
NAMA DANA / PEMBIAYAAN : **Program *Mobilepreneur* '*Foodtruck*'**

7

KETERANGAN PROGRAM
Menggalakkan penyertaan golongan belia untuk menjadi usahawan bergerak (*mobilepreneur*) khususnya dalam bidang perniagaan makanan (*foodtruck*) sejajar dengan perkembangan industri perniagaan masa kini dengan menyediakan kemudahan pembiayaan.

TERMA DAN SYARAT	KUMPULAN SASAR	MAKLUMAT LANJUT	ALAMAT
1. Warganegara Malaysia dan berstatus Bumiputera 2. Umur 18-60 tahun 3. Berpengalaman 4. Lesen perniagaan yang sah 5. Lesen-lesen lain yang diperlukan mengikut jenis perniagaan tertakluk kepada syarat yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan 6. Berniaga melebihi enam (6) bulan 7. Kurang 6 bulan Kursus Keusahawanan (Kursus LPU) 8. Tidak bercanggah Syariah Islam 9. Ujian psikometrik 10. Bebas dari senarai hitam MARA 11. Cagaran atau jaminan	1. Golongan B40 2. Golongan Belia 3. Usahawan Sedia ada	**Kegunaan Wang Pembiayaan** Wang pembiayaan dibayar terus kepada pembekal kontena / kabin dan karavan. Bagi kontena / kabin dan karavan terpakai bayaran dibuat kepada pemilik asal.	**Majlis Amanah Rakyat (MARA)** Pejabat Ketua Pengarah MARA Tingkat 26, Ibu Pejabat MARA, 21, Jalan MARA 50609 Kuala Lumpur Tel : +603-2613 2000 Faks : +603-2692 8993

PAUTAN

http://www.mara.gov.my/bah.-pembiayaan-perniagaan

AGENSI : **Majlis Amanah Rakyat (MARA)**
NAMA DANA / PEMBIAYAAN : **Mara Entrepenuer Guarantee Scheme (MEGS)**

8

KETERANGAN PROGRAM
Kemudahan pembiayaan yang mana Bank Panel menawarkan kemudahan pembiayaan menggunakan dana bank dan MARA bertindak sebagai Penjamin ke atas pembiayaan yang disalurkan kepada usahawan Bumiputera

TERMA DAN SYARAT	KUMPULAN SASAR	MAKLUMAT LANJUT	ALAMAT
1. Syarikat Bumiputera berstatus Milikan Tunggal, Perkongsian atau Sdn Bhd 2. Perniagaan telah beroperasi dan mempunyai Audited Account sekurang-kurangnya 2 tahun serta memperoleh keuntungan bagi 2 tahun terkini 3. Modal berbayar syarikat sekurang-kurangnya 20% daripada jumlah pembiayaan bank 4. Jualan Tahunan >RM500 ribu 5. Status carian kredit syarikat & pemegang saham adalah memuaskan 6. Memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Bank	Syarikat milik Bumiputera yang diklasifikasikan sebagai PKS oleh BNM • Terbuka kepada semua sektor ekonomi (tertakluk kepada tahap risiko yang ditentukan oleh Bank) • Aktiviti syarikat patuh Syariah	**Tujuan Pembiayaan** • Modal kerja • Pembiayaan kontrak • Pembelian mesin & peralatan • Bank Guarantee"	**Majlis Amanah Rakyat (MARA)** Pejabat Ketua Pengarah MARA Tingkat 26, Ibu Pejabat MARA, 21, Jalan MARA 50609 Kuala Lumpur Tel : +603-2613 2000 Faks : +603-2692 8993

PAUTAN

http://www.mara.gov.my/bah.-pembiayaan-perniagaan

AGENSI : **Majlis Amanah Rakyat (MARA)**
NAMA DANA / PEMBIAYAAN : **Skim Pembiayaan Kontrak Ekspres**

9

KETERANGAN PROGRAM
Kemudahan pembiayaan yang ditawarkan kepada usahawan Bumiputera dalam bidang kontrak

